

18 JUN 2000

Mahathir-Mesir

AHLI PERNIAGAAN MESIR TUNJUK MINAT DALAM PROGRAM INDUSTRI M'SIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menceritakan pengalaman Malaysia dalam pengindustrian kepada kalangan ahli perniagaan Mesir yang kemudian menunjukkan minat mengenai kejayaan Malaysia.

Perdana Menteri menemui Jawatankuasa Perindustrian dan Tenaga Senat Mesir semasa melakukan lawatan ke 10th of Ramadan City, zon perindustrian baru, kira-kira 70 km dari sini.

Beliau menarik perhatian kepada usaha yang dijalankan oleh kerajaan dalam proses perindustrian dan pelbagai insentif yang ditawarkan kepada pelabur.

Dr Mahathir berkata pelaburan telah meningkat secara mendadak dalam tempoh beberapa tahun dengan jumlah eksport barangan pembuatan Malaysia sekarang mengatasi jumlah eksport getah, timah dan petroleum.

Pada masa ini, AS\$84.5 bilion atau 80 peratus daripada eksport Malaysia terdiri daripada barangan pembuatan bernilai tinggi.

Dr Mahathir kini berada di Mesir untuk menghadiri Sidang Kemuncak ke-10 Kumpulan 15 Negara-negara Membangun (G15) yang bermula esok.

Dr Mahathir berkata, memandangkan Teknologi Maklumat (IT) mengubah produk dan kaedah pengeluaran, Malaysia telah mengambil langkah-langkah perlu untuk memanfaatkan IT, dengan itu membolehkannya meningkatkan keupayaan industri.

"Dengan adanya Koridor Raya Multimedia (MSC), Malaysia bersedia untuk menghadapi cabaran Era IT," kata beliau pada pertemuan di ibu pejabat Oriental Group, kumpulan syarikat Mesir yang ternama.

Yang turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan pengerusi Oriental Group Muhammad Farid Khamis.

Dr Mahathir berkata Malaysia belum menjadi negara industri sepenuhnya walaupun ia tidak lagi bergantung kepada pertanian atau produk perlombongan.

"Malaysia masih sebuah negara membangun dan berikutan globalisasi, ada bahaya bahawa negara mungkin kehilangan kawalan terhadap program perindustriannya," kata beliau.

"Seperti tuan-tuan sedia maklum, kita telah pulih daripada kemelut ekonomi," kata beliau.

"Pengalaman Malaysia dalam pengindustrian amatlah luas. Saya berpendapat saya boleh menyatakan bahawa Malaysia telah berjaya dalam rancangan pengindustrian.

"Tetapi saya tidak dapat menyatakan sama ada serangan selanjutnya akan menghancurkan negara atau tidak," kata beliau.

Semasa sesi soal-jawap selepas ucapannya, Dr Mahathir diminta menjelaskan punca dan kesan daripada krisis ekonومي yang melanda Asia pada 1997.

Dr Mahathir, yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, dibawa melawat ke beberapa bahagian di kumpulan Oriental Group yang antara lain mengeluarkan permaidani untuk eksport.

Beliau dijadual menghadiri perasmian Pameran Perdagangan G15 yang akan dilakukan oleh Presiden Mesir, Hosni Mubarak di Pusat Pameran Kahireh pada pukul 6 petang waktu tempatan (11 malam waktu Malaysia).

-- BERNAMA

AZZ FAZ